



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 12/2024

ADAB-ADAB HARI JUMAAT

13 DISEMBER 2024 / 11 JAMADILAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Pada hari ini kita berkumpul di masjid untuk melaksanakan solat Jumaat yang merupakan ibadah wajib ke atas muslimin yang mukalaf. Khutbah hari ini memperingatkan kita tentang adab-adab solat Jumaat yang perlu kita amalkan, agar ibadah kita diterima oleh Allah Ta'ala. Firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Jumuaah ayat 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا

الْبَيْعَ ذَٰلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.”

Ayat tersebut menjelaskan mengenai kewajipan solat Jumaat dan meninggalkan urusan lain untuk mendirikan Jumaat. Justeru, kaum muslimin hendaklah bersegera menyahut seruan tersebut.

Mendirikan solat Jumaat yang sempurna memerlukan kepada persiapan yang baik. Antara panduan yang diberikan oleh al-Quran dan sunnah ialah pertama, mandi sunat hari Jumaat dan hadir dalam keadaan berwuduk. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, yang bermaksud:

"Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat, kemudian pergi ke masjid, lalu mendengar khutbah, dan menunaikan solat Jumaat, maka baginya adalah pahala yang besar."

Kedua, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menggalakkan kita berpakaian bersih, cantik, sopan dan berwangi-wangian ketika mengerjakan solat

Jumaat sebagaimana sabda Baginda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, yang bermaksud:

“Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat, dan memakai pakaiannya yang terbaik, memakai wangian jika dia memilikinya. Kemudian pergi menghadiri solat Jumaat dan dia tidak melangkah leher orang lain. Kemudian dia mendirikan solat yang telah Allah tetapkan untuknya. Kemudian dia diam ketika imam keluar (untuk berkhotbah) sehingga imam selesai solat. Maka itu semua akan menjadi kafarah (penghapusan dosa) bagi apa yang ada di antara (hari Jumaat tersebut) dan hari Jumaat yang sebelumnya”

Ketiga, disunatkan untuk pergi awal ke masjid agar dapat mendengar khutbah dengan sempurna. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud:

"Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat seperti mandi janabah, kemudian dia bersegera pergi (ke masjid untuk solat Jumaat), maka seperti dia mengorbankan seekor unta, dan sesiapa yang pergi (ke masjid untuk solat Jumaat) pada masa yang kedua (selepas golongan pertama), maka seperti dia mengorbankan seekor lembu, dan sesiapa yang pergi (ke masjid untuk solat Jumaat) pada masa yang ketiga (selepas golongan kedua), maka dia seperti mengorbankan seekor biri-biri jantan yang bertanduk, dan sesiapa yang pergi (ke masjid untuk solat Jumaat) pada masa yang keempat (selepas tiga golongan sebelumnya) maka seperti dia mengorbankan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi (ke masjid untuk solat Jumaat) pada masa yang kelima (selepas empat golongan sebelumnya), maka seperti dia mengorbankan sebiji telur. Dan apabila imam telah keluar (untuk berkhotbah), maka para Malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (dalam khutbah tersebut)."

Berdasarkan hadis tersebut, Allah Taala menawarkan ganjaran pahala yang besar bagi mereka yang berlumba-lumba datang awal ke masjid seolah-olah melakukan ibadah korban seekor unta. Adalah satu kerugian kita menolak tawaran Allah Taala dengan lambat datang ke masjid.

Oleh itu, marilah kita datang awal ke masjid dan merebut peluang untuk melakukan ibadah tambahan seperti beriktikaf, solat sunat, membaca al-Quran seperti surah al-Kahfi dan lain-lain.

Adab yang keempat, dengarlah khutbah dengan penuh tumpuan untuk memastikan kita mendapatkan manfaat daripada isi khutbah tersebut. Jauhkanlah perbuatan-perbuatan yang melalaikan ketika khatib membaca khutbah seperti bermain-main telefon bimbit, berbual-bual, berjual-beli, tidur dan lain-lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

"Apabila khutbah diucapkan, maka dengarlah dan diamlah."

Oleh itu, fahamilah isi kandungan khutbah yang disampaikan supaya kita boleh mengambil pengajaran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Pada hari Jumaat ini kita digalakkan mengambil kesempatan untuk berdoa dan memohon keampunan daripada Allah Ta'ala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al- Bukhari dan Imam Muslim:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ ذَكَرَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فَقَالَ: فِيهِ سَاعَةٌ لَا يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ،

وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي يَسْأَلُ اللَّهَ شَيْئًا، إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهُ وَأَشَارَ بِيَدِهِ يُقَلِّلُهَا

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebut mengenai Hari Jumaat: “Padanya satu ketika (Hari Jumaat) di mana, tidaklah seorang hamba yang mendirikan solat dan berdoa kepada Allah melainkan Allah pasti akan memakbulkannya.” Dan Baginda mengisyaratkan dengan jari Baginda kadar masa yang amat singkat.*”

Berdasarkan kepada hadis tersebut, marilah kita merebut peluang untuk memperbanyakkan doa pada hari Jumaat, semoga ia bertepatan dengan waktu doa mustajab dan dimakbulkan oleh Allah Ta’ala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wajalla

Kesimpulannya, al-Quran dan sunnah telah menggariskan kelebihan-kelebihan yang boleh diperolehi oleh seorang muslim ketika menunaikan ibadah solat Jumaat. Beramallah dengan adab-adab sebelum dan ketika melaksanakannya. Rebutlah peluang untuk mendapatkan ganjaran besar yang disediakan oleh Allah Taala dengan berlumba-lumba datang awal ke masjid, beriktikaf, memberi tumpuan kepada khutbah, memperbanyakkan ibadah dan doa. Semoga Allah Subhanahu wa Taala mengkabulkan doa kita dan dapat mengamalkan seruan khutbah tersebut.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.